



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 1982

Tuan,

PENYIMPANAN LAPORAN PEMILIKAN HARTA YANG DIBUAT OLEH
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN MENGIKUT
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1981

Tujuan

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kedudukan mengenai laporan pemilikan harta yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan berikutan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981](#) bertarikh 6hb November, 1981 sebelum ia dibatalkan.

Laporan Pemilikan Harta Dianggap Sebagai Dokumen Berperingkat

2. Laporan pemilikan harta yang dikemukakan oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan di bawah mana-mana arahan pentadbiran hendaklah dikelaskan sebagai dokumen berperingkat Kerajaan dan disimpain dengan selamat oleh Ketua Jabatan mengikut peraturan bagi simpanan dokumen Kerajaan yang berperingkat.

Laporan Pemilikan Harta Berikutan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981

3. [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1982](#) bertarikh 11hb Ferbruari, 1982 telahpun membatalkan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981](#). Walau apa pun semua laporan yang dibuat oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan berikutan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981](#) hendaklah disimpan oleh Ketua Jabatan dengan selamatnya seperti menyimpan dokumen berperingkat Kerajaan yang selainnya sehinggalah satu arahan baru dikeluarkan mengenainya kelak.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI ABDUL RAHMAN BIN PILUS)
*Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

24hb Februari, 1982.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Perbadanan-perbadanan.
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.